

Jaguh2 silat 'bertarung' di Indon

GRAHA Bhakti Budaya, Taman Ismail Marzuki, Jakarta dan Gelanggang Remaja Jakarta Timur, lewat Desember lalu menjadi tumpuan para peminat seni pertahanan diri dan pencak sila. Jari seluruh dunia.

Selama lima hari, dari 25 Desember hingga 30 Desember lalu, kira-kira 100 orang wakil dari 13 buah negara bertanding dalam *Invitasi Olahraga dan Festival Seni Bela Diri Pencak Silat Internasional*.

10 JAN 1985
tujuh

Negara-negara yang mengikutinya terdiri dari Belanda, yang menghantar dua orang wakil, Jerman Barat (7), Austria (6), Perancis (4), Sepanyol (1), Yugoslavia (1), Amerika Syarikat (3), Australia (2), Malaysia (14), Singapura (14), Indonesia (36), Filipina (1) dan Tanzania (1).

Peserta dari Perancis, Encik Frank Picot, telah berjaya menyanggah gelaran *Pesilat Teladan*.

Johan pingat emas dalam kelas 'F' 1982, Encik Iskandar Muda Jalil



● PARA pesilat dari Jerman Barat sedang menunjukkan jurus-jurus silat mereka di pesta silat antarabangsa itu.

Abdul Rais, kali ini tewas di tangan Encik Picot.

Tidak seorang pun peserta dari Singapura yang berjaya muncul sebagai johan dalam kelas-kelas yang mereka sertai.

Pertandingan itu dibahagikan kepada beberapa kelas mengikut berat

badan, bermula dengan kelas 'A', dengan berat badan antara 40 dengan 45 kg, 'B' (45 hingga 50 kg), 'C' (50 hingga 55 kg), 'D' (55 hingga 60 kg), 'E' (60 hingga 65 kg), 'F' (65 hingga 70 kg), 'G' (70 hingga 75 kg), 'H' (75 hingga 80 kg), 'I' (80 hingga 85 kg) dan kelas bebas, den-

gan berat badan 85 kg dan lebih.

Menurut ketua perwakilan Persiti, Encik Johari H.M. Ujif, pesta itu diadakan dengan dua tujuan.

Pertama, untuk membina aspek seni bela diri seni silat, agar dapat saling difahami dan dikaji perkembangannya.

Kedua, untuk mengeratkan tali silaturrahim dan persaudaraan antara para pesilat, di samping bertukar-tukar pengalaman bagi memperkembangkan seni silat di negara masing-masing.

10 JAN 1985
Pertandingan itu dibahagikan kepada tiga jenis

iaitu seni permainan tangan kosong, seni permainan *massai* (senaman beramai-ramai) dan seni silat lain.

Perwakilan dari Singapura telah mendapat tempat ketiga secara keseluruhan, dengan Indonesia 'A' sebagai juara dan Perancis naib juara.